

Gejala Mak Nyah: Sorotan Awal Kajian dari Sudut Perspektif Islam

BITARAVolume 2, Issue 3, 2019: 059-069
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Nurul Syahira Mohamed¹, Fadlan Mohd Othman¹, Latifah Abd Majid¹

Abstrak

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini isu mak nyah bukanlah satu perkara baru dalam kalangan masyarakat. Isu ini telah menjadi topik yang hangat untuk dibincangkan di Malaysia. Masalah moral ini semakin membimbangkan apabila golongan ini sudah berani tampil dengan identiti tersendiri di khalayak umum. Gejala mak nyah ini menular tanpa mengira kelompok dan lapisan masyarakat. Isu yang melibatkan gender ini menjadi semakin melonjak naik akibat daripada kepesatan pembangunan dan kecanggihan teknologi seperti facebook, instagram dan sebagainya yang telah mempopularkan fenomena ini. Rentetan daripada isu ini, permasalahan ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak supaya perkara ini dapat dibendung bersama. Justeru, artikel ini berkisar tentang hukum lelaki menyerupai perempuan secara dasarnya. Sebagai pembukaan kepada perbincangan ini, penjelasan terhadap konsep *mukhannath* dan *khuntha* turut dinyatakan. Tujuan dua konsep ini dibincangkan untuk membezakan antara golongan *khuntha* yang dilahirkan mempunyai dua kemaluan dengan golongan lelaki yang sengaja ingin menjadi perempuan. Kajian juga menjelaskan tentang fenomena mak nyah dan petunjuk sunnah dalam mendepani golongan mak nyah ini.

Kata Kunci

Gejala mak nyah, *mukhannath*, lelaki menyerupai perempuan

Cite This Article:

Nurul Syahira Mohamed, Fadlan Mohd Othman & Latifah Abd Majid. 2019. Gejala Mak Nyah: Sorotan awal kajian dari sudut perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 059-069.

Pengenalan

Jika dikaji daripada kajian sejarah komuniti negara ini, gejala transeksual ataupun kecelaruan gender ini telah lama wujud malah sejak sebelum merdeka lagi. Dalam kalangan masyarakat Melayu, perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu telah lama mengandungi perkataan-perkataan seperti pondan, mak nyah dan darai yang kerap kali diguna pakai untuk merujuk kepada perilaku golongan ini (*Kamus Dewan* 2016). Pada zaman sebelum perang dunia kedua, di utara Semenanjung Tanah Melayu sangat popular dengan kesenian ‘*Ghazal Party*’ dan di zaman itu telah mempopularkan ‘darai-darai’ yang berperanan seperti ‘perempuan joget’ (Hishamuddin Rais 2010).

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Fadlan Mohd Othman, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: Fadlan@ukm.edu.my

Selain itu, mak nyah turut membawa makna manusia yang dilahirkan secara fizikalnya sebagai lelaki, bersama dengan alat kelamin yang sesuai dengan jantina mereka semenjak dilahirkan tetapi mereka mengalami kecelaruan emosi yang menyebabkan kecenderungan mereka kepada penampilan jantina yang bertentangan dengannya. Mereka kebiasaannya seorang yang sempurna sifat fizikal tetapi emosi mereka seperti seorang perempuan. Secara ringkasnya golongan mak nyah adalah golongan yang keliru dengan emosi mereka sehingga mereka berusaha menukar identiti seksual mereka kerana emosi dan perasaan yang merasakan bahawa mereka sebenarnya mempunyai identiti jantina yang berlawanan (Norafifah et al. 2015). Oleh itu, golongan mak nyah ini sanggup menjalani pembedahan dan suntikan hormon bagi mencapai impian mereka (Zubaidi 2015). Kajian ini adalah mengkhususkan kepada kesalahan akhlak yang mana lelaki dengan sengajanya memakai pakaian atau berlagak seperti wanita.

Namun begitu, berbeza dengan golongan *khuntha* iaitu mereka yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan. Islam membenarkan mereka melakukan pembedahan penukaran jantina samada mereka lebih cenderung kepada lelaki atau perempuan melalui ujian yang boleh menentukan status jantina mereka. Antaranya dengan menganalisis kromosom dan hormon. Selain itu, ujian *ultrasounds* juga boleh mengesan organ dalaman seksual yang tidak konsisten dengan jantina seseorang itu (Wan Azmi 1991).

Definisi Mak Nyah

Lafaz *khuntha* berasal daripada lafaz *al-khanthu* (الخنث). Dari segi bahasa bermaksud lemah atau pecah. Jama'nya *Khanathu* (خنات) *Khanathiy* (خنائى) *Inkhinath* (انخنات) (al-Fayrūzābādī 1997). *Khuntha* juga daripada perkataan (الخنث) atau (الخنث) iaitu (التنثى والتكثير) bererti lembut dan pecah. Ia juga dimaksudkan dengan (خنثت شىء فتخنثت) iaitu apabila dibengkokkan maka bengkoklah ia. Ini juga dinamakan *mukhannath*.

Oleh itu maksud *mukhannath* ialah orang yang menyerupai perempuan dari segi kelembutan dan yang dimaksudkan dengan (التنثى والتكثير) kerana menyerupai perempuan dari segi percakapan dan perbuatan terutama sekali ketika berjalan.

Menurut fuqaha, *khuntha* dibahagikan kepada dua jenis iaitu *khuntha wadhīh* atau *ghayr mushkil* (*khuntha* nyata atau yang tidak diragui) dan *khuntha mushkil* (*khuntha* yang diragui). *Khuntha wadhīh* atau *ghayr mushkil* memiliki tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan dan dapat dibezakan samada lelaki atau perempuan semasa bayi oleh warisnya melalui pemerhatian, sifat dan ciri alat kelamin tersebut atau berdasarkan dari alat kelamin yang mana satu keluar air kencing terlebih dahulu. Jantina juga dapat dikenal pasti dengan jelas berdasarkan alat kelamin yang mana satu lebih dominan berbanding dengan satu lagi alat kelamin yang kurang berfungsi. Manakala *khuntha mushkil* pula ialah individu yang mempunyai dua alat kelamin iaitu air kencing keluar serentak dari kedua-dua alat kelamin tersebut dan identiti jantainya sukar dibezakan atau hanya dapat dibezakan setelah baligh (al-Jaza'iri 1969). Masalah *mushkil* ini hilang apabila dapat ditentukan dari mana tempat mula keluar air kencing atau kuantiti yang paling banyak atau dikira yang paling akhir berhenti. Jantina mereka juga boleh ditentukan setelah baligh dengan tanda-tanda yang dikenal pasti samada memiliki ciri-ciri kewanitaan seperti kedatangan haid ataupun kelelakian seperti tumbuh misai dan janggut (al-Sabūnī 1998).

Pembahagian Mak Nyah

Mukhannath ialah seorang lelaki yang mempunyai tingkah-laku seperti perempuan sama ada dari segi gerak-geri, keadaannya, percakapan dan sebagainya (Zaliha Tak 1998).

Para ulama seperti Imam al-Nawawī telah membahagikan *mukhannath* kepada dua golongan:

1. Seorang lelaki yang sifat fizikal yang secara semulajadi adalah lembut dan tiada sebarang perbuatan sumbang yang dilakukannya. Mengikut pendapat kebanyakan ulama perkara ini tidaklah menjadi kesalahan jika mutlak keadaannya seperti itu dan tidak pula mampu meninggalkan kelembutannya.
2. Sifat yang dibuat-buat sehingga seorang lelaki menjadi lembut seperti wanita. Hal ini termasuklah menggayakan pakaian wanita dan melakukan pembedahan menukar jantina. Golongan inilah yang dijelaskan di dalam ḥadīth-ḥadīth Nabi s.a.w sebagai orang yang dijauhi rahmat Allah s.w.t.

Islam sama sekali tidak mengiktiraf golongan ini sebagai salah satu entiti dalam komuniti Islam. Status jantina mereka adalah seperti yang asal walaupun telah menjalani pembedahan penukaran jantina atau pembedahan mengubah anggota badan dan pengambilan hormon (Mohd Kamarul Khaidzir 2018). Dengan ini jelaslah bahawa golongan 'mak nyah' boleh dikategorikan sebagai *mukhannath*.

Hukum Yang Berkaitan Golongan Mak Nyah

Ibn Hajar (2013) mentakrifkan *tashabbuh* atau penyerupaan bermaksud seorang lelaki yang menyerupai perempuan. Dari segi perbahasan fiqh, *tashabbuh* yang bermaksud penyerupaan dalam perkara-perkara seperti berikut:

1. Pakaian.
2. Perhiasan.
3. Percakapan dan suara.
4. Gaya berjalan dan gerak badan.
5. Mengubah bentuk fizikal badan.

Hukum *Tashabbuh* Atau Penyerupaan

Hukum *tashabbuh* adalah haram bahkan salah satu dosa besar kerana telah *thabit* nas-nas syari'e bahawa Allah s.w.t melaknat orang yang melakukannya. Antara dalil pengharaman *tashabbuh* adalah:

1. Dalil daripada al-Qur'an

Firman Allah SWT:

وَأَضَلَّهُمْ وَلَأْمَنَّهُمْ وَلَأْمَنَّهُمْ فَلْيُبَيِّتْكُمْ أَذَانَ الْأَنْعَامِ وَلَا أَمْرَهُمْ فَلْيُعَيِّرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرًا مُّبِينًا: 119

Maksudnya: “Dan aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barang siapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata”. (Surah al-Nisa’: 119)

Firman Allah, *وَأَمْرَهُمْ فَلْيُعَيِّرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ*, yang bermaksud “Dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya”. Ibn ‘Abbas r.a berkata yang dimaksudkan ayat tersebut adalah memandulkan binatang seperti yang diriwayatkan Ibn ‘Umar dan Anas. Manakala menurut al-Hasan bin Abil Hasan al-Bashri (2005) yang dimaksudkan adalah tatu. Di dalam kitab sahih Muslim terdapat larangan bertatu di wajah. Di dalam satu lafaz, Allah melaknat orang yang melakukan hal tersebut.

Di dalam ḥadīth sahih dari Ibn Mas‘ud (2005) berkata Allah telah melaknat wanita-wanita yang bertatu dan meminta membuat tatu, yang mencukur kening dan meminta mencukur kening serta wanita-wanita yang meminta menjarangkan giginya untuk mempercantik diri. Sesungguhnya mereka semua merosakkan ciptaan Allah. Kemudian dia berkata, mengapa aku tidak melaknat orang yang dilaknat Rasulullah s.a.w, ini terdapat dalam kitab Allah yang bermaksud “Dan apa yang diberikan Rasul kepadamu, terimalah. Dan apa yang dilarang bagimu, maka tinggalkanlah” (al-Hashr: 7).

Menurut Ibn ‘Abbas dalam tafsir Ibn Kathīr (2005) dalam satu riwayatnya Mujahid, Ikrimah, Ibrahim al-Nakha‘i, al-Hasan, Qatadah, al-Hakam, al-Saudi, al-Dhahhak dan ‘Atha’ al-Khurasanī berkata tentang firman Allah, *وَأَمْرَهُمْ فَلْيُعَيِّرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ*, yang bermaksud “Dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya” iaitu agama Allah. Hal ini juga seperti firman Allah yang bermaksud “maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah) (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah” (al-Rūm: 30). Ini merupakan perintah Allah supaya jangan merosak dan mengubah fitrah yang Allah berikan kepada manusia.

Hikmah pengharaman *tashabbuh* dan mengubah ciptaan Allah kerana terdapat pemalsuan, penipuan dan menimbulkan sangkaan yang tidak benar seperti menganggap ciptaan Allah itu tidak sempurna (Ibn Kathīr 2005).

2. Dalil daripada al-Sunnah

Terdapat banyak ḥadīth-ḥadīth mengenai *tashabbuh*, antaranya:

1. Ḥadīth Nabi s.a.w daripada Ibn ‘Abbas r.a berkata: “ Rasulullah s.a.w melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki” (Ḥadīth sahih al-

Bukhāri, *Kitāb al-Libās, Bāb al-Mutayabbihīn bi al-Nisā wa al-Mutasyabbihāt bi al-Rijāl*, Ḥadīth no.5546).

2. Ḥadīth Nabi s.a.w daripada Abu Hurairah berkata: “ Rasulullah s.a.w melaknat lelaki yang mengenakan pakaian wanita dan wanita yang mengenakan pakaian lelaki” (Ḥadīth riwayat Abu Daud disahihkan oleh al-Albānī, *Kitāb al-Libās, Bāb fi Libās al-Nisā*, Ḥadīth no.4098).

Bab lelaki menyerupai perempuan seperti yang dinyatakan dalam ḥadīth diatas adalah celaan terhadap mereka. Menurut al-Ṭabarī (2013) lelaki tidak boleh menyerupai perempuan dalam pemakaian dan perhiasan yang khusus bagi perempuan. Kata Ibn Hajar termasuk juga gaya percakapan dan cara berjalan.

Seterusnya, pernyataan mutlak sebahagian ulama seperti Imam al-Nawawī mengenai masalah mak nyah yang mempunyai cara bercakap dan gaya berjalan secara semula jadi seperti perempuan tidak termasuk dalam celaan. Yang dimaksudkan disini ialah mereka yang tidak mampu meninggalkan sifat keperempuanan dalam berbicara dan berjalan setelah melakukan pelbagai cara untuk meninggalkannya.

Perkara yang Tidak Dikira Penyerupaan

Syeikh Abu Muhammad Bin Abi Jamrah menyatakan, perlu dijelaskan terdapat perkara yang tidak dikira sebagai penyerupaan iaitu “penyerupaan perkara baik tidak dikira keji dan hina” (Ibn Hajar 2013).

Ibn Hajar (2013) berkata, adapun keadaan pakaian bersalahan dengan adat-adat setiap negeri, boleh jadi sesuatu bangsa tidak membezakan pakaian golongan perempuan mereka dengan golongan lelaki tetapi berlainan dengan masalah hijab.

Menurut Ibn Hajar (2013) lagi, lelaki itu tetap lelaki dan perempuan itu tetap perempuan. Antara kedua-duanya terdapat perbezaan tubuh badan dan kerja-kerja yang khusus sehingga disebut “Sebanyak manapun usaha perempuan untuk meniru lelaki, paling banyak pun yang dapat dicapainya tidak lagi menjadi lelaki dan tidak pula menjadi perempuan”.

Hukum Penukaran Jantina Bagi Mak Nyah

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang Kali Ke-4 pada 13 hingga 14 April 1982 telah membincangkan Pertukaran Jantina dari Lelaki Kepada Perempuan dan memutuskan bahawa:

1. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di segi syarak.
2. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantainya melalui pembedahan.
3. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantainya melalui pembedahan.

4. Seseorang yang dilahirkan *khuntha mushkil* iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, diharuskan melakukan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dan dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Huraian daripada keputusan muzakarah tersebut adalah:

1. Perbuatan menukar jantina sama ada dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya akan melibatkan implikasi hukum dari segi syarak berkaitan perkahwinan, perwalian, ibadat, kematian dan hal-hal berkaitan, kerana perbuatan menukar jantina tersebut adalah jelas dilarang dan diharamkan oleh agama Islam.
2. Lelaki atau perempuan yang tidak nyata alat kelamin (*Khuntha Mushkil*) mereka sama ada lelaki atau perempuan adalah diharuskan melakukan pembedahan. Seorang lelaki yang menukarkan jantintanya melalui pembedahan alat kelaminnya kepada alat kelamin perempuan, tidak diiktiraf sebagai perempuan dan sekiranya berkahwin maka perkahwinan tersebut adalah tidak sah (Aminudin bin Mohamad 2010).

Menerusi hukum penukaran jantina tersebut, dapatlah difahami bahawa golongan *khuntha* mempunyai hukum yang berbeza dengan *mukhannath*. Pembedahan untuk pertukaran jantina bagi golongan *khuntha* (yang mempunyai dua kemaluan) adalah diharuskan kerana keadaan fizikal yang mempunyai dua alat kelamin akan menyusahkan individu tersebut (Diani Mardina Mat Zin 2016).

Penjelasan Ḥadīth Tentang Fenomena Mak Nyah dan Petunjuk Rasulullah S.A.W dalam Mendepani Golongan Mak Nyah

Ḥadīth Nabi s.a.w daripada Ibn ʿAbbas r.a berkata: “Nabi s.a.w mengutuk (melaknat) lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian, dengan sabdanya: “Keluarkan mereka daripada rumah-rumah kamu”. Ibn ʿAbbas menambahkan lagi: “Maka Nabi s.a.w telah mengeluarkan si fulan, dan ‘Umar juga telah mengeluarkan si fulan” (Ḥadīth sahih al-Bukhārī, *Kitāb al-Libās, Bāb Ikhrāj al-Mutasyabbhīn bi al-Nisā min al-Buyūt*, Ḥadīth no.5547).

عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ أَنَّ عُرْوَةَ أَخْبَرَهُ أَنَّ زَيْنَبَ بِنْتَ أَبِي سَلَمَةَ أَخْبَرَتْهُ أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ أَخْبَرَتْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا وَفِي الْبَيْتِ مَخْنَثٌ فَقَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ أَخِي أُمَّ سَلَمَةَ: يَا عَيْدَ اللَّهِ، إِنْ فَتَحَ اللَّهُ لَكُمْ غَدَا الطَّائِفَ فَإِنِّي أَدُلُّكَ عَلَى بِنْتِ غَيْلَانَ فَإِنَّهَا تُقْبَلُ بِأَرْبَعٍ وَتُدْبِرُ بِثَمَانٍ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يَدْخُلَنَّ هَؤُلَاءِ عَلَيْكُمْ. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: تُقْبَلُ بِأَرْبَعٍ وَتُدْبِرُ يَعْنِي أَرْبَعَ عَكَنٍ بَطْنُهَا، فَهِيَ تُقْبَلُ بِهِنَّ، وَقَوْلُهُ وَتُدْبِرُ بِثَمَانٍ يَعْنِي أَطْرَافَ هَذِهِ الْعُكَنِ الْأَرْبَعِ لِأَنَّهَا مُحِيطَةٌ بِالْجَنْبَيْنِ حَتَّى لَحِقَتْ، وَإِنَّمَا قَالَ بِثَمَانٍ وَلَمْ يَقُلْ بِثَمَانِيَّةٍ وَوَاجِدُ الْأَطْرَافِ وَهُوَ دَكْرٌ لِأَنَّهُ لَمْ يَقُلْ ثَمَانِيَّةً أَطْرَافٍ.

Dalam kitab *Fath al-Bārī*, penjelasan tentang kitab *Sahih al-Bukhārī*, dari Hishām bin Urwah, sesungguhnya Urwah mengkhabarkan kepadanya, bahawa Zainab binti Ummu Salamah mengkhabarkan kepadanya, Ummu Salmah mengkhabarkannya, bahawa Nabi s.a.w berada disisinya manakala di dalam rumah terdapat seorang mak nyah. Dia berkata kepada

Abdullah iaitu saudara Ummu Salamah, “Wahai Abdullah jika esok Allah membebaskan Ta’if untuk kalian, maka aku akan menunjukkan kepadamu anak perempuan Ghaylan. Sesungguhnya dia menghadap dengan empat dan membelakangi dengan lapan”. Nabi s.a.w bersabda “janganlah sekali-kali mereka itu masuk ke rumah kalian”. Abu Abdullah berkata, menghadap dengan empat dan membelakangi, iaitu keempat garis perutnya. Dia menghadap dengan garis-garis itu. Sedangkan membelakangi dengan lapan iaitu hujung-hujung garis yang empat tadi kerana ia melingkar kedua sisi badan hingga bertemu. Hanya sengaja dia menggunakan ‘*thamānī*’ bukan ‘*thamāniyyah*’ kerana mufradnya ‘*athraf*’ (sisi) adalah jenis *muzakkar* (lelaki) kerana itu perawi tidak mengatakan ‘*thamāniyyah athraf*’ (Ibn Hajar 2013).

Ḥadīth ini menerangkan bab mengenai mengeluarkan lelaki yang menyerupai perempuan dari rumah. Imām Bukhārī (2013) telah meriwayatkan ḥadīth pertama dalam bab ini. Dari Mu‘adz bin Fadhlah, dari Hisyām, dari Yahya, dari Ikrimah, dari Ibn ‘Abbas r.a. Hisyām adalah dari Dustuwa‘ī dan Yahya adalah dari Ibn Kathīr. Abu Daud al-Thayalisi meriwayatkannya dalam musnadnya dari Syu‘bah dan Hisyām, semuanya dari Qatadah, dari Ikrimah. Ini seakan-akan Abu Daud menerima riwayat Hisyām berdasarkan riwayat Syu‘bah kerana riwayat Syu‘bah dari Qatadah dengan pengarang seperti pada bab sebelumnya. Sedangkan riwayat Hisyām dari Yahya seperti pada bab di atas. Imām Bukhārī dan Ābu Dāud meriwayatkan dalam Kitab al-sunān dari Muslim bin Ibrahim. Imām Ahmād meriwayatkannya dari Ismāil bin Ulayyah dan Yahya al-Qaththan serta Yazid bin Harun, semuanya dari Hisyām, dari Yahya bin Abi Kathīr.

Nabi s.a.w mengeluarkan seorang lelaki dan Umar mengeluarkan seorang perempuan. Demikian dalam riwayat Abu Dzar disebut dengan kata ‘fulanah’ (seorang perempuan) dan begitu juga dalam Sharh Ibn Bathāl. Namun begitu, terdapat periwayat lain menyebut dengan kata ‘fulan’ (seorang lelaki) dan juga disebut dalam riwayat Iman Ahmād. al-Ṭabrānī dan Tammam al-Rāzī meriwayatkan dalam kitab fawā'id dari wasilah seperti ḥadīth Ibn ‘Abbas secara lengkap dan dia berkata kepadanya وأخرج النبي صلى الله عليه وسلم أنجسة، وأخرج عمر فلانا (Nabi s.a.w mengeluarkan Anjasyah dan Umar mengeluarkan fulan). Anjasyah adalah seorang budak hitam yang selalu berhias seperti perempuan (Ibn Hajar 2013).

Ḥadīth kedua dalam bab ini diriwayatkan dari Malik bin Ismail, dari Zuhair, dari Hisyam bin Urwah, dari Zainab binti Ummu Salamah. Zuhair yang dimaksudkan disini ialah Muawiyah al-Ju‘fi. وفي البيت مُحَنَّتٌ (di rumah ada seorang mak nyah) menurut imām al-Bukhārī (2013) itu yang dimaksudkan dengan ‘mengadap dengan empat dan membelakangi dengan lapan’. Pada akhir ḥadīth ini disebutkan لَا يَدْخُلَنَّ هَؤُلَاءِ عَلَيْكُمْ (janganlah sekali-kali mereka itu masuk kerumah kalian).

Menurut Ibn Hajar (2013) dalam kitab *Fatḥh al-Bārī* dalam bab mengeluarkan lelaki yang menyerupai perempuan dari rumah, ḥadīth-ḥadīth ini terdapat pensyariatan mengeluarkan semua orang yang mendatangkan gangguan kepada orang lain dari tempatnya sehingga mereka ini meninggalkan perlakuan tersebut dan bertaubat.

Dalam sebuah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abu Dawud pula, Abu Hurayrah RA berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى بِمُحَنَّتٍ فَذُ خَضَبَ يَدَيْهِ وَرَجُلَيْهِ بِالْحِنَاءِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا بَالُ هَذَا قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ فَأَمَرَ بِهِ فَنُفِيَ إِلَى النَّبِيعِ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا نَقْتُلُهُ فَقَالَ إِنِّي نُهِيتُ عَنْ قَتْلِ الْمُصَلِّينَ. قَالَ أَبُو أُسَامَةَ وَالنَّبِيعُ نَاحِيَةٌ عَنِ الْمَدِينَةِ وَلَيْسَ بِالنَّبِيعِ.

Maksudnya: “Pernah didatangkan kepada Nabi shallallahu^calaihi wasallam seorang mak nyah yang mewarnakan kuku tangan dan kakinya dengan inai. Maka Nabi shallallahu^calaihi wasallam pun bertanya: “Ada halnya dengan orang ini?” Para sahabat menjawab, “Wahai Rasulullah, lelaki ini menyerupai wanita”. Beliau kemudian memerintahkan agar orang tersebut dihukum, maka orang itu diasingkan ke suatu tempat yang bernama al-Naqi'. Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, tidakkah kita membunuhnya saja? “Beliau menjawab: “Aku dilarang untuk membunuh orang yang shalat”. Abu Usamah berkata, “al-Naqi' adalah sebuah tempat di pinggiran Kota Madinah, dan bukan al-Baqi'“ (Ḥadīth *Sunan Abi Dawud, Kitāb al-Adab, Bāb Fi al-hukm fi al-mukhannathin*, Ḥadīth no. 4280. al-Albani berkata: Sahih)

Mensyarahkan ḥadīth ini, al-^cAzim Abadi berkata, maksudnya: Petunjuk daripada ḥadīth-ḥadīth dalam bab ini adalah larangan terhadap golongan mak nyah daripada memasuki kawasan wanita dan melihat wanita. Juga petunjuk bahawa hukum mak nyah adalah sama dengan lelaki yang normal yang mempunyai keinginan terhadap wanita dari sudut ini.

Dapatlah dibuat rumusan awal bahawa petunjuk Rasulullah s.a.w dalam mendepani golongan mak nyah adalah dengan tiga perkara. Pertama, golongan ini dilarang memasuki kawasan wanita. Kedua, golongan ini dilarang melihat tubuh wanita. Ketiga, golongan ini dibuang negeri ke suatu tempat yang berasingan daripada tempat tumpuan masyarakat. Ibnu Taimiyyah (2005, 15:181-182) menjelaskan bahawa *masalahah* daripada hukum buang adalah agar orang ramai tidak terkena kesan buruk dengan tingkah lakunya. Namun jika buang negeri itu menyebabkan masyarakat di tempat buangan itu mendapat kesan buruk daripadanya, maka hendaklah dia ditahan atau dipenjarakan.

Penyelesaian Masalah yang Dihadapi Oleh Mak Nyah

Mukhannath merupakan suatu tingkah laku penyimpangan jantina yang terdapat pada individu yang mempunyai kecelaruan identiti. Golongan ini hendaklah diyakinkan kepada mereka bahawa mereka sebenarnya adalah lelaki. Walaupun mereka berhadapan dengan berbagai penentangan dalam naluri mereka tetapi dengan pertolongan dan belas ihsan daripada semua pihak, keadaan ini pasti akan dapat diatasi. Apa yang paling utama adalah kefahaman dan penghayatan Islam perlu dipertingkatkan agar ia dapat meresapi dalam kehidupan golongan ini sendiri (Zaliha Tak 1998).

Golongan ini tidak perlulah untuk didiskriminasikan atau berlaku penindasan kepada mereka. Hal ini kerana wujudnya segolongan masyarakat yang mengambil pendekatan yang agak drastik dan keras. Realiti masyarakat pada hari ini, mereka terlalu keras dalam menilai dan mendepani golongan ini. Lebih-lebih lagi adanya sebilangan masyarakat yang mencaci dan mengeji golongan ini di khalayak ramai. Selain itu, terdapat sebahagian masyarakat yang bertindak agak ganas dengan memukul mereka serta turut menyisihkannya daripada kehidupan bermasyarakat. Golongan ini juga mempunyai hak yang sama seperti masyarakat di luar sana agar mereka dihormati dan tidak disisihkan dalam masyarakat. Tindakan sebegini bukanlah sebagai tanda bersetuju dengan perbuatan mereka, akan tetapi ianya adalah satu usaha untuk

membantu mereka melalui pendekatan yang lebih berhikmah dan mudah diterima (Mohammad hafiz et.al 2018).

Sehubungan itu, di samping asas-asas Islam yang perlu diterapkan secara dasarnya, kita juga perlu mempelbagaikan usaha yang berhikmah untuk mendekati dan menghadapi golongan ini. Oleh itu, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil peranan dalam permasalahan ini iaitu pihak JAKIM telah mengambil inisiatif untuk mendekati golongan yang terlibat dengan masalah ini dengan melaksanakan aktiviti temu seru (*outreach*). Mereka berusaha untuk pergi ke kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti serta mengajak golongan ini untuk menyertai program yang telah di susun oleh pihak JAKIM. Pihak JAKIM telah menganjurkan program yang bersifat rawatan dan pemulihan (*'ilaj wa syifa'*) iaitu Program Mukhayyam JAKIM yang berbentuk perkhemahan 3 hari 2 malam (Mohammad hafiz et.al 2018).

Selain itu, JAKIM juga turut menggariskan beberapa langkah-langkah perubahan terhadap golongan yang terlibat dengan gejala ini seperti (Mohammad hafiz et.al 2018):

1. Membetulkan niat. Hal ini kerana niat adalah langkah pertama bagi setiap perbuatan. Jika tujuan utama perbuatan adalah untuk mencapai keredhaan Allah, maka perlakuan songsang dapat dielakkan.
2. Taubat nasuha. Ini bermaksud memohon keampunan kepada Allah Taala atas segala perbuatan dosa dan maksiat termasuklah terlibat dengan gejala mak nyah ini. Taubat nasuha adalah kayu ukur kepada kesungguhan seseorang dalam melakukan sesuatu perubahan ke arah yang lebih baik.
3. Menahan kemahuan seksual. Sekiranya terdetik untuk melakukan perbuatan maksiat, dekatkan diri dengan Allah dengan segera dan bergaul melakukan aktiviti sosial yang sihat dengan masyarakat luar.
4. Percaya kepada diri sendiri. Dalam usaha untuk melakukan perubahan, mungkin tidak ada yang ingin membantu, justeru amat penting untuk percaya diri sendiri akan kemampuan masing-masing.
5. Mewujudkan persekitaran yang baik. Langkah yang paling mudah ialah mencuba untuk hidup dalam persekitaran yang sentiasa baik dan positif.
6. Sabar dan selalu mengingat Allah.

Dengan adanya kerjasama daripada badan kerajaan seperti JAKIM ini, dapatlah membantu golongan ini untuk kembali ke pangkal jalan dan juga turut dapat membuka fikiran masyarakat setempat secara tidak langsung (Zaliha Tak 1998).

Kesimpulan

Islam ialah sebuah agama yang sangat menitikberatkan soal kesejahteraan umat. Ianya hanya akan terpelihara jika umat Islam mengamal dan memahami ajaran Islam dengan sepenuhnya. Golongan *khuntha* menunjukkan bahawa Allah maha berkuasa dan berkehendak atas segala sesuatu. Terdapat jalan penyelesaian terhadap masalah ini yang kebiasaannya ditentukan oleh Pakar-Pakar Perubatan. Selain itu juga, dapat diselesaikan dengan pendapat para ulama

muktabar yang lain. Berlainan pula dengan golongan *mukhannath*, mereka ini mempunyai naluri dan jiwa untuk menjadi seorang perempuan. Keadaan mereka tidak sama dengan keadaan golongan *khuntha* yang dinyatakan di atas. Golongan *mukhannath* ini tidak seharusnya melayan nafsu syahwat mereka lebih-lebih lagi dengan sokongan daripada mereka-mereka yang menyokong dan mendukung gejala ini. Gejala ini jelas memberi ancaman kepada kemaslahatan masyarakat kerana masalah ini memberi kesan kepada pembentukan dan kesinambungan tamadun manusia khususnya tamadun Islam bagi generasi akan datang. Maka usaha-usaha untuk membanteras isu ini perlulah diteruskan dan dipergiatkan di setiap peringkat agar dapat memberi kesedaran kepada semua golongan manusia.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 juz)*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Aminudin bin Mohamad (2010). Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bahagian Pengurusan Fatwa.
- al-Baltaji, Muhammad. 2002. *Fiqh al-Mar'ah fi al-Islam*. Kaherah: Dar Ibn Kathir.
- al-Baz, Sheikh 'Abd al-'Aziz 'Abd Allah. 2008. *Fath al-Bārī Penjelasan Kitab Sahih al-Bukhārī*. Juz 28. Terjemahan. Pustaka Azzam. Jakarta, Indonesia.
- Fatwa Pertukaran Jantina Lelaki Kepada Perempuan Dan Sebaliknya. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. 11 November 1982.
- al-Fayrūzābādī. 1997. *Kāmūs al-Mūhit*. Bayrut: Mu'assasah al- Risālah.
- al-Haq, al-'Azim Abadi Muhammad Shams. t.th. *'Awn al-ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hishamuddin Rais. 2010. *TAPAI: Travels & Guilty pleasures of a Fermented Malaysia*. ZI Publications Sdn.Bhd.
- [Http://www.lidwa.com/ensiklopedi/hadits-kitab 9 imam](http://www.lidwa.com/ensiklopedi/hadits-kitab%209%20imam)
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali. 2013. *Fath al Bārī fi Sharh sahīh al-Bukhārī*. Juz 28. Bayrut: Risālah al-ʿAlamiyyah.
- Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar. 2005. *Tafsir Ibn Katsir Jilid 1*. Terjemahan. Jakarta: Pustaka Imam al-Shafī'i.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Taimiyyah. 2005. *Majmu' al-Fatawa Ibn Taimiyyah*. al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). t.th. *Program Intervensi Kerohanian Terhadap Golongan LGBT Oleh JAKIM*. Slaid. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Manual Islam & Mak Nyah. 2013. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohammad Hafiz Mohd Taip, Aiman Hakim Suhaini, Latifah Abd Majid. 2018. Faktor belia Islam Terlibat Dengan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT). *Prosiding Wacana al-Turath*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.

- Mohd Izhar Ariff Mohd Kazhim & Diani Mardina Mat Zin. 2016. *Transeksual menurut perspektif islam dan sains*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- Mohd Khairul Anwar Ismail. 2015. *Suami Gay Isteri Mak Nyah*. Selangor. PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Norafifah Ab Hamid, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Mohd Nazim Ganti Shaari & Pg Ismail Pg Musa. 2015. Gejala Transgender di Malaysia: Sorotan Awal Kajian dari Perspektif Islam dan Undang-undang di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Nur Hajar Dehis. 2018. Perbezaan khunsa dan mukhannath menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Proceeding of The Conference on Contemporary Issues in al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH)*. ILIM. Bangi, Selangor.
- al-Sabūni, Muḥammad ‘Ali. 1985. *al-Mawārīth fi al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wan Azmi Ramli 1991. *Dilema ‘Mak Nyah’: Suatu Ilusi*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Yuhanza Othman, Ida Rahayu Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa, Marziana Abd Malib. 2015. *Lelaki Berpakaian Seperti Perempuan: Antara Gender Identity Disorder, Undang-Undang Syariah Dan Perlembagaan Malaysia*. First International Islamic Heritage Conference.
- Zaliha Tak. 1998. *Khuntha & Mukhannath Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Zubaidi Ahmad. 2015. *Perbezaan Khunsa & Transeksual (Transgender) dalam Majalah I*. Volume 147.